

09 APR 1997

Cuba - Malaysia (Bergambar)

CUBA SEDIA JALIN HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Cuba sedia menjalin hubungan formal dengan Malaysia kerana kedua-dua negara boleh bekerjasama pada peringkat tertinggi apabila mengenali satu sama lain dengan lebih baik, kata Menteri Luarnya Roberto Robaina hari ini.

"Kami bukan sahaja mahu menjalin hubungan formal, kami juga mahu menjalin hubungan yang bermakna. Saya percaya Malaysia menawarkan banyak peluang yang kami berminat dan kami juga menawarkan banyak peluang yang menarik minat Malaysia," kata beliau kepada pemberita selepas melawat Taman Teknologi di Bukit Jalil, dekat sini.

Robaina, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi lima hari, telah ditanya mengenai kemungkinan kedua-dua negara mejalin hubungan diplomatik.

Beliau berkata Cuba dan Malaysia boleh mengadakan kerjasama dalam pelbagai bidang kerana "kami mahu menjalin hubungan baik dan mesra dengan seluruh dunia dan kami juga mahu menjalin hubungan seperti itu di rantau sebelah sini."

"Apabila kita mengenali satu sama lain dengan lebih baik, saya percaya kita dapat mewujudkan hubungan yang bermakna bagi rakyat Cuba dan Malaysia...hubungan yang memanfaatkan rakyat kedua-dua negara," kata beliau.

Robaina berkata aspek penting lawatannya ke negara ini ialah beliau membawa sepucuk surat daripada Presiden Fidel Castro untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang beliau sendiri akan menyerahkannya dalam usaha untuk menjalin hubungan antara Cuba dan Malaysia.

Beliau dijadualkan mengunjungi Dr Mahathir esok.

Menurut Robaina, Malaysia telah mengalami pengalaman yang mengagumkan yang Cuba ingin mempelajari dan beliau berharap lawatannya membolehkan kedua-dua negara mempelajari pengalaman antara satu sama lain.

Robaina berkata beliau juga akan berbincang dan bertukar-tukar pendapat dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat yang memngetuai delegasi pemimpin Barisan Nasional ke Cuba pada Februari lepas.

"Saya juga akan mengadakan pertemuan dengan usahawan tempatan kerana tumpuan utama lawatan ialah untuk menjelaskan kepada negara ini dan usahawan apa yang dilalui oleh Cuba sekarang dalam proses mempelawa pelaburan asing yang baru terutama dari negara Dunia Ketiga," kata beliau.

Ketika ditanya apakah yang Cuba boleh menawarkan kepada Malaysia, Robaina berkata ada banyak peluang untuk ahli perniagaan Malaysia di Cuba kerana undang-undang mengenai pelaburan baru yang diperkenalkan telah membuka semua sektor kecuali kesihatan dan pendidikan.

"Ahli perniagaan Malaysia tidak perlu bersaing dengan pasaran Amerika kerana ahli perniagaan Amerika tidak dibenarkan oleh kerajaan mereka sendiri untuk melabur di Cuba...jadi terdapat banyak peluang di Cuba saua berharap ahli perniagaan Malaysia akan merebut peluang ini," kata beliau.

Beliau berkata negaranya dianggap sebagai yang terbaik dalam bidang bioteknikal dan farmasi dan dalam hubungan ini, kerjasama dan pertukaran boleh dijalankan.

Mengenai ancaman Amerika, Robaina berkata: "Amerika Syarikat melakukan kesilapan besar kerana percaya mereka (Amerika) boleh menguatkuasakan undang-undang Kongres ke negara lain. Saya ingin mengingatkan bahawa Kongres boleh menggubal undang-undang tetapi undang-undang mereka bukan

untuk rakyat Cuba". -- BERNAMA
ZAB FAZ